

23 AUG 1996

#### PENGURUSAN BERASINGAN BAGI TERMINAL MARITIM LUMUT

IPOH, 23 Ogos (Bernama) -- Pengurusan Terminal Maritim Lumut (LMT) dan Taman Perusahaan Pelabuhan Lumut (LPIP) akan dipisahkan menjadi dua yang berasingan untuk meningkatkan pembangunan dan keuntungan, kata Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

LMT dan LPIP pada masa ini berada di bawah Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB), 30 peratus dimiliki oleh Perbadanan Kemaajuan Negeri Perak (PKNP) dan 70 peratus oleh syarikat pegangan pelaburan Bumiputera, iaitu Halim Rasip Holdings.

Ramli, yang juga Pengerusi PKNP menyatakan LMTSB disusun semula untuk mewujudkan dua badan pengurusan yang berasingan bagi LMT dan LPIP.

Di antara langkah yang telah diambil adalah untuk menubuhkan anak syarikat di bawah LMTSB untuk mengendalikan pembangunan dan pengurusan LPIP manakala LMTSB terus untuk membangunkan LMT, katanya pada satu persidangan berita setelah mempengerusikan mesyuarat lembaga pengarah PSDC di sini.

LMT yang berharga RM250 juta, berhampiran dengan LPIP di Kampung Acheh, Lumut, telah dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan Julai tahun lepas.

Sambil menafikan bahawa LMTSB tidak berminat untuk mencari keuntungan, Ramli menyatakan LMTSB telah membuat keuntungan tetapi PSDC berharap ia dapat meningkatkan keuntungannya melalui penyusunan semula pengurusan.

Dengan pengurusan yang berasingan, LMT diunjurkan untuk membuat keuntungan berjumlah RM1 juta menjelang 1997, RM3 juta dalam tahun 1998 dan RM5 juta dalam tahun 1999, manakala keuntungan LPIP diunjurkan pada RM25.25 juta bagi 1995-1996 dan RM33.46 juta dalam tahun 1997, kata beliau.

Ramli menyatakan PKNP telah diberikan lampu hijau untuk memiliki kapal pengangkutan pelbagai guna berharga RM46 juta melalui anak syarikatnya Perak Freight Services, untuk meningkatkan kegiatan LMT.

Kapal tersebut boleh digunakan untuk mengangkut simen, arang batu dan kontena, kata beliau.

LMT telah biasa menguruskan 86 kapal membawa sejumlah 278,001 tan metrik kargo sehingga Disember tahun lepas.

Dermaganya sepanjang 350 meter boleh mengendalikan kapal dan tongkang besar sehingga 35,000 dwt dan boleh menempatkan dua kapal pengangkut pada satu masa.

Terminal itu telah direka bentuk untuk mengendalikan kargo kering dan sebagainya.

Di bawah fasa kedua, yang dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi, sebuah jeti akan dibina untuk mengendalikan petroleum, produk kimia dan minyak sayur-sayuran.

Ramli juga menyatakan mesyuarat hari ini telah memutuskan program bersepadu industri pelancongan, yang antara lain akan membangunkan kraftangan, tempat pelancongan, hotel dan perkhidmatan pelancongan seperti restoran, pengusaha pelancongan dan pengangkutan.

Pada permulaannya, kajian akan dilakukan untuk membangunkan kesan sejarah dan kebudayaan menjadi tarikan pelancong yang boleh dipasarkan setempat dan di luar negara.

Program itu juga memasukkan kemungkinan jeti Lumut dibesarkan menjadi pelabuhan bagi kapal besar untuk berlabuh.

Ramli menyatakan lembaga pengarah PSDC juga telah bersetuju untuk menambah RM15 juta lagi kepada jumlah sedia ada RM5 juta bagi program pembangunan vendor dan meluluskan pembentukan sebuah jawatankuasa untuk

memilih syarikat yang boleh dilantik sebagai "sauh" kepada vendor Bumiputera di bawah program itu.

PSDC telah mengenal pasti 13 projek vendor yang mana tiga telah dilaksanakan, kata beliau. -- BERNAMA

HK RIF/sia